

**PERSEMBAHAN UCAPAN  
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM  
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
SEMPENA  
MAJLIS SANTAPAN / JAMUAN MALAM  
MAJLIS KONVOKEYEN KE-11 UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
PADA HARI JUMAAT, 18 NOVEMBER 2016, PUKUL 8.00 MALAM  
DI ZENITH HOTEL, KUANTAN**

---

**SALUTASI DIRAJA**

*Bismillahirrahmanirrahim,*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

dan Salam Sejahtera.

Menghadap:

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang,  
Tengku Abdullah al-Haj ibni Sultan Haji Ahmad Shah al-  
Musta'in Billah, Tuanku Canselor;

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang,  
Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah  
binti Sultan Iskandar al-Haj;

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,

Sembah patik mohon diampun.

### **SERU BUKAAN**

1. Dengan penuh hormat dan takzim-Nya, patik bagi pihak seluruh warga Universiti Malaysia Pahang merafak sembah menjunjung kasih Kebawah Duli Tuanku atas limpah perkenan berangkat bercemar duli ke Majlis Santapan Malam sempena Majlis Konvokesyen Ke-11 UMP.
2. Sesungguhnya, keberangkatan Kebawah Duli Tuanku bukan sahaja menambahkan lagi seri majlis ini, malah mengisyratkan keprihatinan Tuanku terhadap kemajuan dan perkembangan UMP selepas 14 tahun pengasasannya sebagai sebuah Universiti Awam di negara ini.

## **MAKLUMAT MAJLIS KONVOKESYEN KE-11**

3. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,  
sembah patik mohon diampun;

Sebelas tahun sejak majlis konvokesyennya yang pertama pada tahun 2006, UMP telah melahirkan seramai 16,725 orang graduan dalam pelbagai lapangan pengajian sama ada di peringkat prasiswazah mahu pun pasca siswazah.

4. Sukacita patik menyembah maklum ke sisi pengetahuan Tuanku bahawa seramai 2,465 graduan akan menerima ijazah dan diploma masing-masing dalam lima sesi Majlis Konvokesyen Ke-11 yang akan bermula pada hari esok dan berakhir pada hari Isnin, 20 November 2016. Daripada jumlah tersebut, seramai 43 orang merupakan graduan Doktor Falsafah, 144 orang graduan Sarjana, 54 orang graduan Sarjana Eksekutif, 1,615 orang graduan Sarjana Muda dan 321 orang graduan Diploma.

5. Pihak pengurusan UMP amat menghargai kerjasama pelbagai pihak sama ada orang perseorangan mahu pun organisasi swasta yang komited memberikan sokongan terhadap usaha berterusan Universiti ini bagi meningkatkan kualiti akademik mahasiswa melalui sumbangan insentif anugerah dan hadiah kecemerlangan.
  
6. Sukacita patik menyembah maklum ke sisi pengetahuan Tuanku bahawa hasil sumbangan orang perseorangan dan pihak swasta tersebut, sebanyak tiga anugerah dan hadiah baharu bagi mengiktiraf kecemerlangan graduan telah diperkenalkan sempena Majlis Konvokesyen Ke-11 ini untuk dikurniakan oleh Kebawah Duli Tuanku.

7. Dua anugerah dan hadiah tersebut adalah ihsan penyumbang dari Malaysia iaitu Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff yang juga Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Dimension Bid (Malaysia) Sdn Bhd manakala satu lagi merupakan penyumbang antarabangsa iaitu *The Association of German Engineers* (VDI).
  
8. Kesiediaan pelbagai pihak untuk menyumbang anugerah dan hadiah kecemerlangan tersebut pula secara tidak langsung mendukung aspirasi Universiti ini untuk meningkatkan penyertaan awam dalam endowmen, tajaan, derma dan sumbangan pendidikan melalui inisiatif MyGift yang telah dilancarkan pada 1 Oktober 2016 yang lalu.

**PENGHARGAAN KEPADA DATUK AMINAR RASHID  
SALLEH DAN PROFESOR DR. KARL-HEINZ MEISEL**

9. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,  
Sembah patik mohon diampun.

Sukacita patik menyembah maklum bahawa Majlis Konvokesyen Ke-11 ini turut meneruskan tradisi akademik UMP untuk mengiktiraf tokoh-tokoh daripada dalam atau luar negara atas sumbangan istimewa dan perkhidmatan cemerlang mereka terhadap Universiti ini khasnya dan negara Malaysia amnya.

10. Sehubungan dengan itu, 'dua tokoh terkemuka akan menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah daripada Kebawah Duli Tuanku dalam majlis konvokesyen pada esok hari.

11. Kedua-dua tokoh yang dimaksudkan ialah Yang Berbahagia Datuk Aminar Rashid Salleh iaitu Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (PERODUA) dan Profesor Dr. Karl-Heinz Meisel iaitu Presiden Karlsruhe University of Applied Sciences (HsKA) di Jerman.
  
12. Selaku penerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kejuruteraan Automotif), Datuk Aminar Rashid bukan sahaja telah memperlihatkan ketokohan unggul sebagai pemimpin korporat yang menerajui transformasi PERODUA sebagai gergasi automotif Malaysia, tetapi juga atas perkhidmatan cemerlang beliau sebagai Ahli Lembaga Pengarah UMP antara 1 Ogos 2010 hingga 31 Julai 2016.

13. Dalam konteks tersebut, UMP terhutang budi dengan beliau yang telah memainkan peranan penting dalam proses pembentukan Pelan Strategik UMP 2016-2020 melalui perkongsian pengetahuan, pengalaman dan kepakarannya sebagai seorang kapten industri yang terkemuka di negara ini. Kepada Yang Berbahagia Datuk Aminar Rashid, *pisang emas dibawa belayar, masak sebiji di atas peti; hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati.*
  
14. Manakala Profesor Dr. Karl-Heinz Meisel yang bakal dikurniakan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kejuruteraan Mekatronik) merupakan tokoh penting yang begitu instrumental dalam merealisasikan kerjasama akademik antara UMP dan HsKA melalui penawaran program dwijazah di peringkat Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik dan Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif sejak tahun 2011.



15. Model kerjasama UMP-HsKA ini yang menyaksikan penyesuaian sistem *Fachhochschule* Jerman ke dalam sistem pendidikan kejuruteraan di UMP telah menerima penghargaan Kementerian Pendidikan Tinggi dan menarik minat universiti-universiti tempatan lain untuk menanda aras model tersebut. *Herr Meisel, vielen dank für alles, danke für Ihre* (thank you for everything, thank you for your efforts).
  
16. Pada hemat patik, kedua-dua tokoh ini wajar diberikan pengiktirafan yang selayaknya pada malam ini dengan tepukan yang gemuruh daripada kita semua buat mereka.

## **KATA PENUTUP**

17. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,  
Sembah patik mohon diampun.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, patik ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para tetamu yang hadir:

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang  
dan Yang Amat Berbahagia Datin Sri Diraja;

Yang Hormat Pengerusi Lembaga Pengarah UMP  
dan Yang Berbahagia Datin Sri;

Ahli-ahli Lembaga Pengarah UMP;

Naib-naib Canselor dan Ketua-ketua Eksekutif  
universiti-universiti tempatan dan antarabangsa;

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Persekutuan dan Negeri;

Wakil-wakil swasta, industri dan rakan strategik UMP;

Graduan-graduan cemerlang yang diraikan;

Tuan-tuan dan puan-puan.

18. Patik juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus menyumbangkan khidmat bagi menjayakan majlis ini, termasuklah dari segi persediaan tempat, logistik, publisiti, jemputan dan persembahan yang menghiburkan.
  
19. Berkat doa semua, mudah-mudahan Majlis Konvokesyen Ke-11 yang bermula esok akan berjalan dalam suasana lancar, teratur dan tenteram, tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini.

20. Sekianlah saja persembahan ucapan patik. Patik merafak sembah memohon ampun dan maaf jika terdapat kecacatan dalam majlis ini.
21. Selanjutnya patik berdoa ke hadrat Allah Taala moga-moga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang; Duli Yang Maha Mulia Sultanah Pahang Sultanah Hajjah Kalsom; Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang; Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang; Yang Amat Mulia Paduka-paduka Anakanda Putera dan Puteri serta Yang Mulia Paduka-paduka Cucunda Putera dan Puteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang sentiasa di dalam aman sentosa, sihat wal'afiat serta dilanjutkan usia. Amin.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,

Sembah patik mohon diampun;

*Wabillahi taufiq walhidayah,*

*wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*